



 back

'Selesai masalah pencemaran sungai bersama-sama'

KOTA KINABALU: Parti Keadilan Rakyat (PKR) menggesa Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi serta Kementerian Sumber Semulajadi dan Alam Sekitar dan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar untuk berhenti saling mempersalahkan tentang isu pencemaran sungai di Sabah.

Setiausaha PKR Sabah, Dr Roland Chia berkata kementerian berkenaan sebaliknya harus bersama-sama menyelesaikan masalah pencemaran semua sungai terbabit khasnya Sungai Kinabatangan, yang semakin teruk.

Chia yang juga ahli Majlis PKR Pusat berkata masalah tersebut turut menjejaskan industri pelancongan di Sabah, yang mengaut keuntungan berjumlah RM5 bilion tahun lepas.

"Masalah ini tentu akan menyaksikan hasil yang dijana daripada pelancongan hilang dengan cepat. Hasil daripada pelancongan berada di tempat kedua selepas royalti minyak, gas dan balak bagi tabung Negeri.

"Pelancong tempatan dan luar negara yang banyak berbelanja untuk menyaksikan hidupan liar Kinabatangan tidak berpuas hati apabila melihat bahan berwarna hitam melekit yang mengalir dekat bot.

"Bahan melekit seumpama tentu akan menyakiti dan membunuh hidupan liar. Banyak kegiatan ekonomi berkaitan pelancongan khasnya penduduk kampung tentu kehilangan mata pencarian yang diperolehi daripada pelancongan," kata beliau.

Chia berkata penyumbang utama sumber pencemaran itu adalah pembuangan sembarangan buangan kilang minyak sawit (POME).

Dipercayai hanya 25 peratus daripada lebih seratus kilang minyak sawit di Sabah melepasi garis panduan MPOA dalam pemprosesan POME, katanya, sambil menambah pence-

maran semakin teruk yang disebabkan POME mengakibatkan paras Tuntutan Oksigen Biologi (BOD3) setinggi, 55 peratus mengancam kehidupan pelbagai hidupan liar ikonik seperti monyet Proboscis, orang utan, gajah pygmy dan burung-burung di sepanjang Sungai Kinabatangan.

"Turut dipercayai penyumbang lain kepada paras BOD3 yang tinggi dihasilkan oleh kawasan penduduk, kegiatan manusia termasuk tempat penginapan dan peranginan serta bentuk pertanian yang lain.

"Di bahagian lain Sabah, penduduk miskin yang berang di Sook dan Keningau melaporkan POME menghapuskan ikan air tawar dalam sistem tagal mereka, air bersih untuk diminum, memasak, mandi, berkebun, pengairan dan ternakan.

"Pendek kata, POME mengeluarkan semua oksigen terlarut dari air sungai, dan semua ikan, udang dan hidupan air aerobik lain akan mati.

"Selepas ia menghabiskan semua oksigen terlarut itu, kuman bakteria anaerobik mengambil alih dan mengubah sungai itu menjadi aliran air beracun yang beracun dan dipenuhi bahan kimia berbahaya: amonia dan hidrogen sulfida.

"Jika sungai atau anak sungainya adalah kecil, POME akan membunuhnya dengan cepat, semalaman saja mengubahnya menjadi tempat tidak bernyawa," kata beliau.

Dalam hal ini, katanya, menjadi tanggungjawab Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi untuk melaksanakan kuasanya untuk menutup dan menggantung lesen pengilang yang ingkar, bagaimanapun, saranan harus datang dari Kementerian Sumber Semulajadi dan Alam Sekitar untuk menguatkuasa dan mengawal alam sekitar.